



# KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**PANDUAN PENYATA,  
PEMBAYARAN DAN  
PEMBAYARAN BALIK CUKAI  
PELANCONGAN**

## **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan:**2 November 2017.**

## **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2017 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

## **Penolakan Tuntutan**

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Pelancongan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN .....	3
TEMPOH BERCUKAI.....	3
TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK MENGEJEMUKAKAN PENYATA DAN MEMBUAT PEMBAYARAN CUKAI PELANCONGAN .....	4
Pengemukaan Penyata.....	4
Kaedah Mengemukakan Penyata TTx-03.....	6
Pindaan Penyata.....	8
PEMBAYARAN CUKAI PELANCONGAN, PENALTI, KOMPAUN DAN LAIN-LAIN PEMBAYARAN .....	9
KUASA MENTAKSIR .....	11
KOMPAUN .....	12
PENALTI LEWAT BAYAR .....	12
PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONG YANG TERLEBIH DIBAYAR ATAU TERSILAP BAYAR, DAN PEMBAYARAN BALIK HUTANG LAPUK .....	12
Jenis Tuntutan Pembayaran Balik.....	13
Dokumen Yang Perlu Dikemukakan .....	13
SOALAN LAZIM .....	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN.....	16
MAKLUMAT LANJUT .....	16

## **PENDAHULUAN**

1. Cukai Pelancongan adalah cukai yang dilevikan dan dikenakan ke atas pelancong asing yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh pengendali pada kadar yang ditetapkan iaitu sebanyak RM10.00 bagi setiap bilik pada setiap malam yang diinap.
2. Pembayaran cukai oleh pelancong asing adalah diwajibkan kepada pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017. Cukai hendaklah dibayar oleh salah seorang daripada pelancong asing yang menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama.
3. Di Malaysia, seseorang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 adalah dikenali sebagai “pengendali”. Pengendali adalah dikehendaki untuk mengenakan Cukai Pelancongan kepada pelancong asing ke atas perkhidmatan penginapan yang disediakan berdasarkan bilangan bilik yang diinap.
4. Jika lebih daripada seorang pelancong asing menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama, cukai pelancongan hanya perlu dibayar oleh seorang pelancong asing sahaja dan pelancong asing lain yang menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama tidak bertanggungan untuk membayar cukai pelancongan bagi penginapan itu. (S.6 Akta)

## **TEMPOH BERCUKAI**

5. Bagi pelaksanaan Cukai Pelancongan, pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, selaras dengan peruntukan seksyen 18(2) Akta Pelancongan 2017, pengendali akan diberikan tempoh bercukai yang sama seperti tempoh bercukai Cukai Barang dan Perkhidmatan. Manakala pengendali yang tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan

2014 akan diberikan tempoh bercukai selama tiga bulan di bawah seksyen 18(1) Akta Pelancongan 2017. (S.18 Akta)

## **TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK MENGEJEMUKAKAN PENYATA DAN MEMBUAT PEMBAYARAN CUKAI PELANCONGAN**

### **Pengemukaan Penyata**

6. Setiap orang yang telah berdaftar di bawah Seksyen 10, Akta Cukai Pelancongan 2017 adalah bertanggungan untuk mengemukakan penyata TTx-03 mengikut Seksyen 19, Akta Cukai Pelancongan 2017.
7. Setiap pengendali hendaklah **mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima** dalam penyata mengikut tempoh yang ditetapkan dalam borang TTx-03 secara elektronik di portal MyTTx atau pos kepada Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan (*Tourism Tax Prosessing Center*).
8. Sekiranya cukai tidak dibayar oleh pelancong asing kepada pengendali sama ada sebahagian cukai atau keseluruhan cukai, pengendali **hendaklah** mengakaunkan cukai dalam penyata bagi tempoh bercukai berikutnya selepas berakhirnya tempoh dua belas bulan dari tarikh invois dikeluarkan.

### **Contoh 1**

*Hotel Budjet adalah orang berdaftar GST dan mempunyai sebanyak 100 buah bilik dengan kadar cukai pelancongan RM10.00 untuk satu bilik bagi setiap malam yang diinap.*

*Tempoh bercukai bagi hotel ini ialah secara bulanan mengikut tempoh bercukai Cukai Barang dan Perkhidmatan. Dalam tempoh bercukai Ogos 2017, sebanyak 2280 bilik/malam diinap oleh pelancong asing namun*

bayaran cukai pelancongan yang diterima hanya sebanyak 2270 bilik/malam.

Berikut adalah contoh pengiraan cukai pelancongan bagi tempoh bercukai Ogos 2017:

<b>Tempoh Bercukai</b>	<b>Jumlah Bilik/malam Dalam Tempoh Bercukai</b>	<b>Jumlah Cukai Kena Dibayar</b>
Ogos 2017	2270	2270 bilik x RM10 =RM22,700.00

Berdasarkan jadual di atas, Hotel Budget perlu mengakaunkan cukai pada Penyata TTx-03 bagi tempoh bercukai Ogos 2017 seperti berikut :

<b>Perkara</b>	<b>Nilai</b>
Jumlah Bilik/malam Dalam Tempoh Bercukai (Butiran 5(a)(ii))	2270
Cukai Kena dibayar (Butiran 5(a)(iii))	RM22,700.00 <small>* Dikira secara automatik oleh sistem</small>
Jumlah Cukai Kena dibayar (Butiran 6)	RM22,700 <small>* Dikira secara automatik oleh sistem</small>

Mengikut subseksyen 19(2) Akta Cukai Pelancongan 2017, jumlah cukai pelancongan yang tidak diterima bayaran daripada pelancong (RM100) perlu diakaunkan pada penyata Ogos 2018 (bulan ketiga belas).

Sebaliknya, jika pelancong membayar pada tempoh bercukai Januari 2018, Hotel Budget perlu mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima sebanyak RM100 pada tempoh bercukai Januari 2018.

9. Pengendali hendaklah mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai

yang ditetapkan. Jika hari terakhir jatuh pada cuti umum atau hari minggu, maka hari terakhir mengemukakan penyata adalah hari bekerja berikutnya.

10. Setiap pengendali yang terhenti daripada bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12, Akta Cukai Pelancongan 2017, hendaklah mengemukakan penyata akhir tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas terhenti menjadi pengendali atau tarikh lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

11. Pengendali hendaklah mengemukakan penyata TTx-03 walaupun tidak mempunyai transaksi perniagaan dalam tempoh perakaunan yang ditetapkan. Penyata TTx-03 perlu dikemukakan dengan mengisi “0” dalam ruang berkenaan dan perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum berakhirnya tempoh penyerahan penyata berkenaan.

12. Setiap pengendali yang gagal mengemukakan penyata TTx-03 adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 19 (6), Akta Cukai Pelancongan 2017 dan boleh didakwa di mahkamah, didenda sehingga maksimum RM30,000 atau dipenjara selama maksimum satu tahun atau kedua-duanya. Kesalahan ini juga boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga maksima RM15,000 di bawah seksyen 56, Akta Cukai Pelancongan 2017.

### **Kaedah Mengemukakan Penyata TTx-03**

13. Pengendali hendaklah mengemukakan penyata TTx-03 mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan iaitu samada secara bulanan, suku tahunan atau apa-apa tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Terdapat dua kaedah untuk mengemukakan penyata TTx-03 iaitu:

- a) Elektronik melalui Portal MyTTx.
  - i. Borang penyata TTx-03 elektronik boleh diperolehi dengan melayari portal MyTTx dengan memasukkan **ID pengguna, kata laluan dan nombor TTx**. Seterusnya pengendali boleh

melengkapkan penyata TTx-03 dan menyerahkannya (*submit*) secara atas talian. [Rujuk User Manual To File TTx-03 Return And Making Payment Of TTx-03].

- b) Manual secara pos Borang TTx-03 ke Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan (*TTx Processing Center*)
- i. Borang Penyata TTx-03 boleh dimuat turun dan dicetak melalui portal MyTTx.
  - ii. Borang penyata yang lengkap diisi hendaklah diposkan ke alamat seperti berikut:

Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kastam WPKL

No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor.

14. Penyata yang dikemukakan adalah dianggap telah diterima apabila :

Bil	Kaedah Penghantaran	Tarikh Dianggap Terima
1.	Pos	Tarikh cetakan pos yang tertera disampul surat
2.	Atas Talian	Apabila ia diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik (sistem Cukai Pelancongan merekodkan tarikh penerimaannya)

**Contoh 2**

Encik Tan adalah pengendali hotel murah dan merupakan pengendali di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017. Pada 20 September 2017, Encik Tan telah melengkapkan penyata TTx-03 untuk

Bil	Kaedah Penghantaran	Tarikh Dianggap Terima
		<i>tempoh Ogos 2017 tetapi beliau hanya menyimpan di dalam sistem. Pada 2 Oktober 2017, beliau baru menyedari bahawa penyata tempoh Ogos 2017 tersebut masih belum dihantar dan beliau telah menghantar secara elektronik. Oleh itu, penerimaan penyata TTx-03 adalah pada 2 Oktober 2017.</i>

### Pindaan Penyata

15. Sekiranya berlaku kesilapan dalam penyata TTx-03 yang telah dikemukakan di bawah Akta, seseorang pengendali hendaklah membuat pembetulan dengan meminda penyata tersebut. ([P.12 Peraturan Cukai Pelancongan](#)).

16. Ketetapan pindaan penyata TTx-03 adalah seperti berikut:-

Sebelum Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata	Selepas Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata
Tiada had pindaan penyata	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pindaan penyata dibenarkan dua kali sahaja dengan syarat pembayaran cukai telah dibuat</li> <li>b) Pindaan penyata yang melibatkan pengurangan jumlah cukai kena dibayar adalah tertakluk kepada kelulusan pegawai Cukai Pelancongan.</li> <li>c) Pindaan penyata yang melibatkan penambahan jumlah cukai kena dibayar adalah diluluskan secara automatik (<i>auto approved by system</i>)</li> </ul>

\*Nota : Sekiranya penyata masih berstatus draft (*saved*) pengendali tidak perlu membuat pindaan tetapi hanya perlu klik butang edit untuk membuat pembetulan. Pindaan penyata (*amend*) hanya berlaku apabila penyata telah selesai dikemukakan (*submitted*)

## **PEMBAYARAN CUKAI PELANCONGAN, PENALTI, KOMPAUN DAN LAIN-LAIN PEMBAYARAN**

17. Setiap pengendali yang dikehendaki untuk mengemukakan penyata TTx-03 di bawah subseksyen 19 (4), Akta Cukai Pelancongan 2017 hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar olehnya mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir untuk mengemukakan penyata TTx-03.

### **Contoh 3**

*Jika tempoh bercukai pengendali adalah secara bulanan, iaitu bermula dari 01/09/2017 hingga 30/09/2017, hari terakhir untuk mengemukakan penyata dan membayar cukai adalah 31/10/2017. Bagi tempoh bercukai suku tahunan pula, iaitu bermula daripada 01/10/2017 hingga 31/12/2017 hari terakhir untuk mengemukakan penyata dan membuat bayaran cukai adalah 31/01/2018. Tarikh akhir ini adalah terpakai bagi kedua-dua penyerahan elektronik dan manual.*

18. Mengikut subseksyen 19(7), Akta Cukai Pelancongan 2017 adalah menjadi suatu kesalahan bagi pengendali yang **gagal membayar** kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen 19(4), Akta Cukai Pelancongan 2017. Apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

19. Mengikut subseksyen 19(8) Akta Cukai Pelancongan 2017, kegagalan membayar amaun cukai yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan penalti 30% maksimum dari jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar.

20. Tindakan pendakwaan bagi kesalahan kegagalan membuat pembayaran mengikut subseksyen 19(7) boleh dibuat selepas tamat tempoh pengenaan penalti sebanyak 30%. Jika penalti telah dibayar sepenuhnya, tiada tindakan pendakwaan dikenakan kepada pengendali.

21. Pembayaran cukai pelancongan dan apa-apa penalti yang kena dibayar boleh dibuat melalui pos (cek atau bank draf sahaja) atau perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah.

22. Pembayaran cukai pelancongan, penalti dan caj lain dianggap telah dibayar apabila diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat :

- a) jika cek atau draf bank yang diterima oleh Ketua Pengarah dan tidak dibayar semasa penyerahan, amaun tersebut hendaklah disifatkan tidak diterima walau apapun apa-apa resit diberikan sehingga amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah;
- b) jika pembayaran dibuat melalui sesebuah bank amaun itu, hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

23. Pembayaran cukai, penalti dan kompaun boleh dibuat melalui DUA kaedah iaitu :

- a) Pembayaran Atas Talian menggunakan FPX.
- b) Pembayaran Secara Pos di Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan.

Bayaran secara pos hendaklah menggunakan cek di atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA** yang dikepulkan

bersama baucer bayaran di dalam sampul surat dan pos ke alamat:

Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kastam WPKL  
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor.

## **KUASA MENTAKSIR**

24. Ketua Pengarah di bawah seksyen 20, Akta Cukai Pelancongan 2017 boleh membuat taksiran cukai mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh pengendali sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan penyata di bawah seksyen 19, Akta Cukai Pelancongan 2017.

25. Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya mentaksir suatu amaun cukai yang lebih tinggi :

- a) Ketua Pengarah telah membuat taksiran di bawah subseksyen 20 (1);
- b) Cukai yang ditaksir itu telah dibayar tetapi tiada penyata telah dikemukakan bagi tempoh yang berkaitan dengan taksiran itu; dan
- c) Pengendali gagal untuk mengemukakan suatu penyata bagi apa-apa tempoh bercukai yang berikutnya.

26. Amaun cukai yang telah ditaksir oleh Ketua Pengarah dan telah memaklumkan kepada pengendali adalah disifatkan sebagai amaun cukai yang genap masanya. Oleh itu, pengendali hendaklah membayar amaun cukai tersebut (jika ada) walaupun ada membuat rayuan dan keputusan rayuan masih belum diketahui.

27. Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada taksiran yang dibuat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan kesahihan sesuatu taksiran itu.

## KOMPAUN

28. Kegagalan pengendali mengemukakan penyata dan membuat pembayaran di dalam tempoh yang telah ditetapkan merupakan kesalahan di bawah subseksyen 19(6) dan subseksyen 19(7), Akta Cukai Pelancongan 2017 yang boleh dikenakan tindakan kompaun di bawah Seksyen 56, Akta Cukai Pelancongan 2017.

29. Kesalahan ini boleh dikenakan kompaun maksima RM15, 000.00 iaitu lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang dinyatakan dalam subseksyen 19 (6) dan subsyeksyen 19 (7), Akta Cukai Pelancongan 2017.

## PENALTI LEWAT BAYAR

30. Kegagalan pengendali membayar amaun cukai **yang genap masa dan kena dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan penalti di bawah seksyen 19(8)**, Akta Cukai Pelancongan 2017. Kadar pengiraan penalti adalah berdasarkan bilangan hari cukai gagal dibayar.

BILANGAN HARI GAGAL/LEWAT BAYAR CUKAI (HARI)	KADAR PENALTI (%)
1 – 30	10
31 - 60	10
61 – 90	10

## PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONGAN YANG TERLEBIH DIBAYAR ATAU TERSILAP BAYAR, DAN PEMBAYARAN BALIK HUTANG LAPUK

31. Tuntutan pembayaran balik Cukai Pelancongan 2017 adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 21, Seksyen 22 dan Seksyen 23 Akta Cukai Pelancongan 2017. Tuntutan pembayaran balik cukai pelancongan hendaklah dikemukakan secara manual di stesen kastam yang mengawal.

### **Jenis Tuntutan Pembayaran Balik**

32. Tuntutan pembayaran balik cukai pelancongan terbahagi kepada 3 iaitu
- a) Peremitan (Seksyen 21 Akta Cukai Pelancongan 2017)  
Kuasa Menteri atau Ketua Pengarah meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017
  - b) Pembayaran balik cukai pelancongan, dsb., terlebih bayar atau tersilap bayar (Seksyen 22 Akta Cukai Pelancongan 2017)  
Tuntutan ini diberikan kepada mana-mana orang yang terlebih bayar atau tersilap bayar apa-apa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain boleh membuat suatu tuntutan baginya dalam tempoh 6 tahun dari masa pembayaran lebih atau pembayaran tersilap berlaku
  - c) Pembayaran balik bagi hutang lapuk (Seksyen 23 Akta Cukai Pelancongan 2017)  
Tuntutan ini diberikan kepada mana-mana pengendali yang berhenti atau telah berhenti mengendalikan premis penginapan
  - d) Perubahan Kadar Cukai Pelancongan (Seksyen 8(4) Akta Cukai Pelancongan 2017)  
Cukai Pelancongan boleh dibayar balik sekiranya terdapat perubahan kadar cukai pelancongan yang diarahkan oleh menteri dan disiarkan dalam warta

33. Tuntutan pembayaran balik cukai pelancongan akan diproses setelah pengendali mengemukakan permohonan tuntutan Cukai Pelancongan dalam Borang TTx-04. Sekiranya permohonan lebih daripada satu tuntutan di para 34, maka pengendali perlu mengemukakan borang TTx-04 berasingan beserta dokumen sokongan

### **Dokumen Yang Perlu Dikemukakan**

34. Penuntut hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen dan maklumat yang lengkap seperti berikut:

PANDUAN PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONGAN  
**Sehingga 2 NOVEMBER 2017**

---

- a) Peremitan (Seksyen 21 Akta Cukai Pelancongan 2017)
  - i. Surat Permohonan 1 salinan
  - ii. Borang Tuntutan Cukai Pelancongan TTx-04 1 salinan asal
  - iii. Surat Kelulusan Peremitan Cukai/ Penalti/ Surcaj 1salinan
  - iv. Lain-lain dokumen sekiranya perlu
  
- b) Pembayaran balik cukai pelancongan, dsb., terlebih bayar atau tersilap bayar (Seksyen 22 Akta Cukai Pelancongan 2017)
  - i. Surat Permohonan 1 salinan
  - ii. Borang Tuntutan Cukai Pelancongan TTx-04 1 salinan asal
  - iii. Resit/ Bank Slip/ apa-apa dokumen yang menunjukkan bayaran telah dibuat 1 salinan asal
  - iv. Lain-lain dokumen sekiranya perlu
  
- c) Pembayaran balik bagi hutang lapuk (Seksyen 23 Akta Cukai Pelancongan 2017)
  - i. Surat Permohonan 1 salinan
  - ii. Borang Tuntutan Cukai Pelancongan TTx-04 1 salinan asal
  - iii. Invois/ Ringkasan invois-invois yang dituntut
  - iv. Pembuktian usaha yang munasabah telah dibuat oleh pengendali untuk mendapatkan balik bayaran 1 salinan
  - v. Surat/ dokumen pembuktian penamatan perniagaan sebagai pengendali premis penginapan
  - vi. Lain-lain dokumen sekiranya perlu

## **SOALAN LAZIM**

**S1: Bagaimanakah cara-cara mengemukakan penyata TTx-03**

- J1: Terdapat 2 kaedah untuk mengemukakan penyata iaitu:
- a. Secara atas talian menggunakan capaian MyTTx atau
  - b. Secara manual dengan memuat turun borang GST-03 dari portal myTTx dan dipos ke Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan

**S2: Bolehkah pengendali menghantar penyata secara kendiri dan membuat pembayaran Cukai Pelancongan di Pejabat Kastam Negeri?**

- J2: Tidak boleh. Kaedah penghantaran penyata seperti dijelaskan di J.1. Pembayaran Cukai Pelancongan tidak boleh dibuat di Pejabat Kastam Negeri. Dua Kaedah pembayaran Cukai Pelancongan yang dibenarkan iaitu melalui:
- a. Pembayaran Atas Talian menggunakan FPX
  - b. Pembayaran Secara Pos ke Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan.

**S3: Bilakah tarikh akhir penghantaran penyata TTx-03 dan pembayaran Cukai Pelancongan?**

- J3: Pengendali perlu menghantar penyata TTx-03 dan membuat pembayaran cukai selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya suatu tempoh bercukai tersebut. Contoh : Bagi tempoh bercukai 1 Ogos 2017 sehingga 30 Ogos 2017, hari terakhir untuk mengemukakan penyata dan membuat pembayaran Cukai Pelancongan adalah pada 31 September 2017.

**S4: Pengendali telah tersilap ikrar didalam penyata TTx-03, bolehkah pengendali meminda semula penyata TTx-03 yang telah dihantar?**

- J4: Pengendali perlu membuat pindaan didalam sistem MyTTx mereka dengan memilih pautan pinda (*amend*) pada penyata TTx-03 yang telah dihantar. Pindaan yang menyebabkan pengurangan pada amaun cukai pelancongan kena dibayar adalah tertakluk kepada verifikasi dan kelulusan pegawai Cukai Pelancongan.

**S5: Sekiranya pengendali membuat pindaan ke atas penyata selepas tarikh akhir kemuka penyata, bilakah penyata dianggap diterima?**

- J5: Tarikh penghantaran penyata terdahulu dikira sebagai tarikh penyata diterima.
- S6: Bagaimanakah pengendali boleh memohon lanjutan masa bagi penghantaran penyata TTx-03 dan pembayaran Cukai Pelancongan?**
- J6: Tiada peruntukan didalam Akta Cukai Pelancongan bagi melanjutkan masa penghantaran penyata dan pembayaran Cukai Pelancongan.
- S7: Bilakah penyata TTx-03 yang dihantar oleh pengendali dianggap telah diterima?**
- J7: Penyata TTx-03 dianggap telah dikemukakan apabila:
- a. Penghantarserahan melalui pos, pada tarikh tanda pos; atau
  - b. Penghantarserahan melalui perkhidmatan elektronik, apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik

### **MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN**

1. Sebarang maklum balas dan pertanyaan hendaklah dihantar ke:
  - a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 4, Blok A, Menara Tulus,  
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya.  
Emel: [enquiry.tourismtax@customs.gov.my](mailto:enquiry.tourismtax@customs.gov.my).
  - b) Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kastam WPKL,  
22, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya.  
Emel: [gpc@customs.gov.my](mailto:gpc@customs.gov.my)

### **MAKLUMAT LANJUT**

2. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

PANDUAN PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONGAN  
**Sehingga 2 NOVEMBER 2017**

---

a) Laman Web TTx : [www.myttx.customs.gov.my](http://www.myttx.customs.gov.my)

b) Pusat Panggilan Kastam :

Tel : 1-300-888-500

Faks : 03- 7806 7599

E-mel : ccc@customs.gov.my

## PINDAAN

Bil.	Tarikh	Butiran / Perenggan	Maklumat Pindaan				
1.	2.11.2017	8	<p>Hapus : subseksyen 19(2) Akta Cukai Pelancongan 2017 membenarkan tambah perkataan <b>hendaklah</b> sebelum perkataan <b>mengakaunkan cukai dalam penyata bagi tempoh bercukai berikutnya selepas berakhirnya tempoh dua belas bulan dari tarikh invois dikeluarkan</b></p>				
2.	2.11.2017	12	Hapus : Pengendali yang menerima taksiran cukai atas kegagalan mengemukakan penyata masih perlu mengemukakan penyata dengan nilai sebenar cukai pelancongan yang diterima				
3.	2.11.2017	13(a)(i)	<p>Perkataan <b>id(emel) dan kata laluan</b> ditukar kepada <b>ID pengguna, kata laluan dan nombor TTx</b>. Tambahan : (Rujuk User Manual To File TTx-03 Return And Making Payment Of TTx-03)</p>				
4.	2.11.2017	13(b)(ii)	<p>Hapus: pada atau sebelum hari terakhir bulan berikutnya selepas tamat tempoh bercukai Tukar kepada : ke alamat seperti berikut: Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kompleks Kastam WPKL No.22 Jalan SS6/3 Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor</p>				
5.	2.11.2017	15	Tambah : (P.12 Peraturan Cukai Pelancongan)				
6.	2.11.2017	16	<p>Tambah Jadual:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Sebelum Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata</td> <td style="width: 50%;">Selepas Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata</td> </tr> <tr> <td>Tiada had pindaan penyata</td> <td>           a) Pindaan penyata dibenarkan dua kali sahaja dengan syarat pembayaran cukai telah dibuat.            b) Pindaan penyata yang melibatkan         </td> </tr> </table>	Sebelum Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata	Selepas Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata	Tiada had pindaan penyata	a) Pindaan penyata dibenarkan dua kali sahaja dengan syarat pembayaran cukai telah dibuat. b) Pindaan penyata yang melibatkan
Sebelum Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata	Selepas Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata						
Tiada had pindaan penyata	a) Pindaan penyata dibenarkan dua kali sahaja dengan syarat pembayaran cukai telah dibuat. b) Pindaan penyata yang melibatkan						

PANDUAN PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONGAN  
Sehingga 2 NOVEMBER 2017

---

				<p style="color: red;">pengurangan jumlah cukai kena dibayar adalah tertakluk kepada kelulusan pegawai cukai pelancongan</p> <p style="color: red;">c) Pindaan Penyata yang melibatkan penambahan jumlah cukai kena dibayar adalah diluluskan secara automatik (auto approved by sistem)</p>
				<b>Tambahan Nota:</b> Sekiranya penyata masih berstatus draft (saved) pengendali tidak perlu membuat pindaan tetapi hanya perlu klik butang edit untuk membuat pembetulan. Pindaan penyata (amend) hanya berlaku apabila penyata telah selesai dikemukakan (submitted).
7.	2.11.2017	16		Hapus: Pindaan penyata yang dibuat selepas tarikh akhir pengemukaan penyata adalah tertakluk kepada penalti di bawah seksyen 19(8) Akta Cukai Pelancongan 2017
8.	2.11.2017	21		Tambah : Pembayaran cukai pelancongan dan apa-apa penalti yang kena dibayar boleh dibuat melalui pos (cek atau bank draf sahaja) atau perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah
9.	2.11.2017	22 dan 23		Perenggan 22 ditukar kepada perenggan 23 dan perenggan 23 tukar kepada perenggan 22